

## HARI MINGGU BIASA KE-20 (A)

Yesaya 56:1. 6-7; Mazmur 66:2-3. 5-6. 8. S/ ayat 4; Roma 11:13-15. 29-32  
Matius 15:21-28

Tema: **YESUS BUKAN HANYA MENYELAMATKAN ORANG-ORANG YAHUDI TETAPI JUGA YANG BUKAN YAHUDI**

1. Hari ini adalah Hari Minggu Biasa Ke-20 dalam Tahun Liturgi A. Injil hari ini memberitahu kita bahawa Yesus bukan hanya menyelamatkan orang-orang Yahudi, tetapi juga orang-orang yang bukan Yahudi, yang kafir dan pagan! Dia menyelamatkan bukan hanya orang baik dan saleh, tetapi dia juga menyelamatkan orang yang jahat dan tidak baik! Dia menyelamatkan semua orang! Dia adalah Juruselamat seluruh dunia! Hanyalah Dia Juruselamat dunia!

Injil hari ini memberitahu kita bahawa Yesus melepaskan kesengsaraan seorang anak perempuan kepada wanita Kanaan yang dirasuk oleh iblis! Lebih penting, Injil memberitahu kita bahawa Yesus menyelamatkan anak perempuan itu dari iblis oleh kerana ‘iman besar’ wanita Kanaan itu! Hanya perempuan ini sahaja dalam seluruh Injil Matius didapati mempunyai ‘iman besar’! (NJBC)

Bahkan, yang pagan di selamatkan kerana iman mereka dalam Yesus, tetapi orang Yahudi tidak di selamatkan kerana mereka tidak percaya kepada Yesus!

2. Bacaan kedua menuruti tema Injil. Sekali lagi, bacaan pertama memberitahu kita bahawa orang Yahudi akan di selamatkan sekiranya mereka “percaya dalam Tuhan dan setia kepada perintah-perintahNya” (CBS), iaitu, jika mereka mengasihi dan melayani Allah dan sesama manusia, tetapi sekali lagi, mereka tidak dapat di selamatkan jika mereka tidak percaya dalam Allah dan mematuhi perintah-perintah-Nya, iaitu, jika mereka tidak mengasihi dan melayani Allah dan mereka tidak mengasihi sesama manusia. Justru itu kita baca:

**“Sebab Allah telah mengurung semua orang dalam ketidaktaatan, agar semua memperoleh kerahiman-Nya.” (Yes 56:1; SM)**

Tetapi yang lebih penting, bacaan pertama memberitahu kita bahawa orang-orang pagan, pendatang, akan diselamatkan kerana mereka “percaya kepada Tuhan dan mematuhi perintah-perintah-Nya”, iaitu, mereka mengasihi dan melayani Allah! Justru itu kita baca:

**“Aku akan menghantar ke gunung-Ku yang suci orang-orang asing, yang menggabungkan diri kepada perjanjian-Ku, mereka akan Ku bawa ke gunung-Ku yang kudus dan akan kuberi kesukaan di rumah doa-Ku.” (Yes 56:6a. 7a; SM)**

3. Mazmur antarbacaan menuruti tema bacaan pertama. Mazmur antarbacaan adalah doa memohon Allah memberkati kita supaya bila melihat berkat Allah di atas kita; semua bangsa-bangsa akan datang untuk memuji dan menyembah Allah kita! (CSB). Justru itu kita menyahut tiga kali:

**“Hendaknya bangsa-bangsa memuji Engkau, ya Allah, segala bangsa hendaknya memuji Engkau.” (Maz 66(67):4; SM)**

Mazmur antarbacaan mempunyai tiga rangkap. Rangkap pertama memohon Allah memberkati kita supaya apabila melihat berkat Allah atas kita; semua bangsa akan memuji dan menyembah Allah kita! Rangkap kedua memohon kepada semua bangsa untuk memuji Allah yang memerintah dunia dengan adil! Dan rangkap ketiga memohon kepada Allah untuk terus memberkati kita sehingga semua bangsa di bumi memuji dan menyembah Dia!(HCSB)

4. Bacaan kedua memberitahu kita bahawa bukan sahaja orang pagan yang percaya akan Yesus dapat diselamatkan, tetapi biarpun orang-orang Yahudi telah menolaknya dan menyalibkan-Nya, mereka

juga akan diselamatkan! Mereka akan diselamatkan oleh belas kasihan Allah! Perkataan “belas kasihan” disebut empat kali pada rangkap kedua bacaan kedua! Dengan itu kita baca:

**“Dahulu kamu, orang bukan Yahudi tidak taat kepada Allah. Tetapi sekarang kamu menerima belas kasihan Allah, kerana orang Yahudi tidak taat kepada Allah. Demikian juga halnya dengan orang Yahudi. Kerana kamu sudah menerima belas kasihan Allah, sekarang orang Yahudi tidak taat kepada Allah, supaya mereka pun boleh menerima belas kasihan Allah. Hal itu demikian, kerana Allah sudah membiarkan umat manusia menjadi seperti orang tahanan, kerana mereka tidak mentaati Dia. Allah berbuat demikian supaya Dia dapat menunjukkan belas kasihan-Nya kepada mereka semua.” (Rm 11:30-32; SM)**

Sekali lagi, kita tidak diselamatkan oleh Hukum Allah, ketidakadilan, hukuman dan kecelakaan; tetapi kita diselamatkan oleh cinta kasih, belas kasihan, pengampunan dan penyelamatan Allah!

5. Pengantar Injil hari ini memberitahu kita bahawa “Yesusewartakan Kabar Gembira”! (Mat 4:23; SM) Pengantar Injil hari ini juga memberitahu kita untuk mewartakan Kabar Gembira! Kita mewartakan Kabar Gembira oleh perkataan, aksi dan gaya hidup kita! Hari ini kita boleh mewartakan Kabar Gembira melalui Internet, laman web, emel, facebook, dll. Kita boleh mewartakan Kabar Gembira dengan cinta kasih dan pelayanan kita, dengan pekerjaan baik kita, dengan pekerjaan sosial kita, cnth. “Sekolah Migran” kita, “Masyarakat Santo Vincent de Paul” kita yang membantu orang miskin dan yang memerlukan! Kita juga dapat mewartakan Kabar Gembira melalui “KED” kita. “KED” kita adalah komuniti cinta kasih dan perpaduan dan menjadi tanda sakramen penyelamatan untuk seluruh dunia! Kita juga dapat mewartakan Kabar Gembira di dalam Gereja dan di dalam sekitar Gereja melalui Misa Kudus hari Minggu, Seminar Hidup Baru dalam Roh, Kursus Alfa, Neo-Catechumenal Komuniti, KED, kumpulan Perkongsian Alkitab, dll.! Hari ini, kita bersyukur kepada Allah atas anugerah penyelamatan dan kita mohon kepada Allah untuk membantu kita mewartakan Kabar Gembira supaya semua dapat percaya dan diselamatkan! Amen!

**Cadangan soalan-soalan untuk renungan pribadi dan untuk perkongsian dalam keluarga, dalam kumpulan-kumpulan kecil dan dalam kumpulan komuniti-komuniti kecil:**

1. Mengapakah orang-orang Yahudi, orang-orang pilihan Allah, tidak diselamatkan? Mengapakah orang-orang yaang bukan Yahudi, orang pagan, yang diselamatkan? Apakah kita diselamatkan oleh pekerjaan baik dan jasa atau apakah kita diselamatkan oleh iman dan rahmat?
2. Apakah kamu percaya kepada Hukum Allah, ketidak keadilan, hukuman dan kecelakaan atau kamu percaya kepada Allah cinta kasih , belas kasihan, pengampunan dan penyelamatan? Apakah Allah orang-orang Kristian Allah hukum dan keadilan atau Allah cinta kasih dan belas kasihan?
3. Adakah kamu mewartakan Kabar Gembira? Bagaimana kamu mewartakan Kabar Gembira? Adakah kamu mewartakan Kabar Gembira melalui internet, laman web, emel, facebook, dll.? Apakah kamu juga mewartakan Kabar Gembira melalui pekerjaan sosial?

**Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,**

**Rujukan: New Jerome Biblical Commentary (NJBC); Catholic Study Bible (CSB); HarperCollins Study Bible (HCSB); Sunday Missal (SM).**